

## PERLEMBAGAAN BAGI

### **IKHTISAS MALIM MARITIM MALAYSIA (MARITIME PILOTS MALAYSIA)**

#### FASAL 1 NAMA

1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama  
**IKHTISAS MALIM MARITIM MALAYSIA (MARITIME PILOTS MALAYSIA)**

Selepas ini disebut pertubuhan.

2. Takrif Nama: **Pertubuhan Professional Malim Maritim Se-Malaysia**
3. Bertaraf: **KEBANGSAAN**

#### FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**85G LEBUH BERANGAN  
42000 PELABUHAN KLANG. SELANGOR**

dan alamat surat menyurat adalah

**85G LEBUH BERANGAN  
42000 PELABUHAN KLANG. SELANGOR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat-menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

#### FASAL 3 MATLAMAT

1. Meningkatkan taraf profesionalisme di kalangan ahli-ahli
2. Memberi kerjasama kepada kerajaan dan agensinya dalam melaksanakan dasar-dasar negara khususnya yang melibatkan bidang profesion ini.
3. Membuat dan menganjurkan kajian, kertas kerja, peninjauan atau penyelidikan atas aspek-aspek terbabit dengan bidang profesion ini.

4. **Pewakilan pemaliman maritime peringkat kebangsaan dan antarabangsa**
5. **Keselamatan ahli-ahli sewaktu kerja dan kebajikan ahli-ahli**
6. **Mengeluar dan menyebarkan maklumat-maklumat berkhaitan isu-isu bidang profession ini**

#### FASAL 4      **KEAHLIAN**

1. Kriteria keahlian pertubuhan ini adalah seperti berikut
  - A. **Ahli Biasa**
    - i. Kewarganegaraan: **MALAYSIA**
    - ii. Umur minima: **18 tahun**
    - iii. Kawasan/ Negeri Tempat Tinggal Ahli: **MALAYSIA**
    - iv. Keturunan/Bangsa: **SEMUA**
    - v. Jantina: SEMUA
    - vi. Agama: SEMUA
    - vii. Kriteria Keahlian Yang Lain: **Para Malim Maritim Yang Aktif Dan Pesara Malim Maritim**
  - B. **Ahli Bersekutu**

Terbuka kepada mereka yang tidak memenuhi kriteria ahli biasa.
  - C. **Ahli Kehormat**

-Tiada-
  - D. **Ahli Seumur Hidup**

-Tiada-
  - E. **Ahli Remaja**

-Tiada-
2. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk dipertimbangkan.

Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab.
3. Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang disebut di atas hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran pertama seperti yang ditetapkan hendaklah diterima menjadi ahli Pertubuhan dan hendaklah ia sebagai ahli.

## FASAL 5

### PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

1. Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan bertulis **2 minggu** terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.
2. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi peraturan Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi satu tempoh masa yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

## FASAL 6

### SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan Pertubuhan ini adalah daripada:

1. Bayaran masuk:  
**RM20.00** (Ringgit Malaysia **Dua Puluh** Sahaja)
2. Yuran:  
**RM100.00** (Ringgit Malaysia **Seratus** Sahaja)
  - a. Yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu dalam tempoh 7 hari dari awal tiap-tiap tahunan
  - b. Yuran seumur hidup (perlu dijelaskan semasa permohonan ahli)  
**RM Tidak Berkenaan**
  - c. Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada **dua (2) tahun** akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.
  - d. Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari yuran bagi **tiga (3) tahun** dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.

- e. Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.
  - f. Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membaya yuran tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran **tahun**.
3. Sumbangan  
**Pertubuhan ini dibenarkan untuk menerima sumbangan dalam bentuk wang dan barangan. Sumbangan berbentuk wang hendaklah diisytiharkan dengan jelas dan tepat dalam Penyata Tahunan pertubuhan.**
4. Kegiatan Ekonomi  
**Pertubuhan ini boleh menjalankan kegiatan ekonomi seperti menjual, membeli, melabur, menyewa, memiliki harta alih dan tak alih serta lain-lain kegiatan ekonomi.**

## FASAL 7

### MESYUARAT AGUNG

1. Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (**1/2**) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau **2 kali** jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
2. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh (tidak lebih daripada **30 hari**) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang telah ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda perlembagaan pertubuhan.
3. Mesyuarat Agung **Tahunan** bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dalam tempoh **12 bulan** daripada tarikh **Mesyuarat Agung Tahunan** terakhir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Agenda Mesyuarat Agung **Tahunan** adalah:
  - a. mempertimbangkan laporan Jawatankuasa berkenaan aktiviti pertubuhan yang lalu;

- b. mempertimbangkan laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit'
  - c. memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan melantik Juruaudit (jika berkenaan)
  - d. menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
4. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya **30 hari** sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan minit mesyuarat dan laporan aktiviti-aktiviti tahunan serta penyata kira-kira Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan dokumen-dokumen ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan.
5. Mesyuarat Agung Khas bagi pertubuhan ini boleh diadakan:
  - a. bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau
  - b. atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima **1/5** dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan ini hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan.
6. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
7. Pengumuman dan agenda Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli-ahli sekurang-kurangnya **14 hari** sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat.
8. Fasal 7(1) dan 7(2) di dalam perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan terpakai untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi setelah setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
9. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan minit Mesyuarat Agung **Tahunan** dan Mesyuarat Agung Khas dalam tempoh **3 bulan** setelah selesai mesyuarat itu.

**JAWATANKUASA**

1. Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih **DUA TAHUN SEKALI** di dalam Mesyuarat Agung **Tahunan**:

Seorang **Pengerusi**

Seorang **Timbalan Pengerusi**

Seorang **Setiausaha**

Seorang **Timbalan Setiausaha**

Seorang **Bendahari**

**4 Orang** Ahli Jawatankuasa Biasa

2. Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri dari **Warganegara Malaysia**.
3. Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadang serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung **Tahunan**. Semua pegawai boleh dipilih semula **Dua Tahun Sekali**.
4. Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidak boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun yang lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung.
5. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya **4 kali** dalam setahun. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli Jawatankuasa **7 hari** terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada **4 orang** ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (**1/2**) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

6. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan Mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa:
  - a. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa;
  - b. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap itu; dan
  - c. Keputusan hendaklah dengan undi terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatitkan dalam minit.
7. Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan.
8. Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung **Tahunan** diadakan.
9. Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan, dan melantik pengurus atau kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.
10. Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.
11. Jawatankuasa yang lama hendaklah menyerahkan semua dokumen Pertubuhan seperti sijil pendaftaran, pelembagaan berdaftar, salinana Penyata Tahunan, surat-surat maklumbalas, buku-buku akaun, buku bank, cek, resit, geran-geran tanah, senarai aset dan sebagainya kepada Jawatankuasa baru.

## FASAL 9

### KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

1. Pengerusi, dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani minit mesyuarat bila diluluskan.
2. Timbalan Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaanya.
3. Setiausaha hendaklah menjalankan kerja-kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut perlembagaan dan hendaklah ia menjalankan semua perintah mesyuarat agung dan jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat-menyurat dan menyimpan rekod dan dokumen Pertubuhan, kecuali buku-buku akaun dan dokumen kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi maklumat terperinci ahli mengikut kategori seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah kediaman tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat.
4. Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.
5. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Dia hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya atas ketepatan penyata kewangan pertubuhan yang terdiri daripada penyata penerimaan dan perbelanjaan serta kunci kira-kira.
6. Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

## FASAL 10

### KEWANGAN

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam perlembagaan ini, wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah juruaudit.
2. Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai tidak lebih daripada **RM1000.00** (Ringgit Malaysia **Seribu** Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dalam tempoh **7 hari** dimasukkan ke dalam akaun bank atas nama Pertubuhan.



3. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh **Pengerusi**, **Setiausaha** dan **Bendahari**. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa berhak melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau pengeluaran wang Pertubuhan semasa ketiadaan mana-mana penandatangan tersebut.
4. Perbelanjaan yang lebih daripada **RM 10,000.00** (Ringgit Malaysia **Sepuluh Ribu** Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada **RM20,000.00** (Ringgit Malaysia **Dua Puluh Ribu** Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu. Perbelanjaan **RM10,000.00** (Ringgit Malaysia **Sepuluh Ribu** Sahaja) dan ke bawah bagi sesuatu masa boleh diluluskan bersama oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.
5. Penyata kewangan bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 perlembagaan ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kewangan yang telah diaudit hendaklah diedarkan untuk makluman ahli-ahli dan dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut. Setiap salinan tersebut hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan.
6. Tahun kewangan Pertubuhan ini hendaklah bagi tempoh **12 bulan** iaitu bermula dari **1 Julai**.

## FASAL 11      **JURUAUDIT**

1. **Dua orang** yang bukannya pegawai Pertubuhan hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka yang memegang jawatan selama **2 Tahun** boleh dilantik semula.
2. Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa penyata kewangan Pertubuhan bagi **2 tahun**. Juruaudit hendaklah membuat perakuan dan menandatangani penyata kewangan tersebut untuk pertimbangan Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Pengerusi, mengaudit penyata kewangan Pertubuhan pada bila-bila masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

## FASAL 12      **PENTADBIR HARTA**

1. Segala harta tidak alih Pertubuhan hendaklah didaftarkan atas nama Pertubuhan dan segala surat cara pelaksanaan berkhaitan dengan harta ini dianggap sah dan berkuatkuasa seolah-olahnya ianya telah dilaksanakan oleh seorang Tuan punya pendaftar dengan syarat surat cara itu disempurnakan oleh **3 orang** pemegang jawatan Pertubuhan pada masa itu yang mana perlantikan mereka disahkan melalui sijil perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan dimeteri dengan meteri Pertubuhan.
2. Harta tidak alih Pertubuhan tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik tanpa persetujuan Mesyuarat Agung.

## FASAL 13      **TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN**

1. Dalam tempoh di antara **dua** Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada perlembagaan ini dan Jawatankuasa, jika perlu, boleh memutuskan perkara-perkara yang kurang jelas di dalam perlembagaan ini.
2. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

## FASAL 14      **PENASIHAT / PENAUNG**

1. Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat / Penaung bagi Pertubuhan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis terlebih dahulu.

## FASAL 15      **LARANGAN**

1. Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Judi Terbuka 1953, adalah dilarang di premis pertubuhan.
2. Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan pekerja seperti definisi di dalam ***Akta Kesatuan Pekerja 1959***.
3. Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan.
4. "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah ***Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966***, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya.
5. Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Pertubuhan ini hasil dari penyertaannya dalam kegiatan ekonomi hendaklah disalurkan kembali kepada Pertubuhan bagi mencapai matlamat pertubuhan ini dan tidak boleh digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada mana-mana ahli pertubuhan. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran gaji atau perbelanjaan pentadbiran atau kedua-duanya kepada mana-mana ahli atau pekerja Pertubuhan.
6. Persatuan Penganut tidak dibenarkan mentadbir rumah ibadat.

## FASAL 16      **PINDAAN PERLEMBAGAAN**

1. Perlembagaan ini tidak boleh dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk pindaan perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa **60 hari** dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung yang meluluskan pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai tarikh pindaan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## FASAL 17      **PEMBUBARAN PERTUBUHAN**

1. Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada **tiga perlima (3/5)** daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya.
2. Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut

perlembagaan hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam mesyuarat agung berkenaan.

3. Permohonan pembubaran ini hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa **14 hari** dari tarikh keputusan pembubaran itu.

## FASAL 18      **BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA**

1. Bendera



Keterangan  
Lambang Bot Malim Maritim

2. Lambang



Keterangan  
Lambang Bot Malim Maritim

3. Lencana



Keterangan  
Lambang Bot Malim Maritim